



SOALAN LAZIM

PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DALAM NEGARA (LSPM) TAHUN 2025

1. Apakah itu Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara (LSPM) Tahun 2025?

Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Dalam Negara (LSPM) Tahun 2025 merupakan penajaan kepada pelajar terbaik lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara. Calon-calon yang terpilih akan ditawarkan penajaan secara berpakej bagi pengajian peringkat Persediaan sehingga peringkat Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

2. SYARAT PENAJAAN

2.1 Syarat Umum

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit/ penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;
- (iii) Ibu/bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang JPA;
- (iv) Sekiranya berjaya ditawarkan penajaan JPA, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan kewangan/ tajaan daripada mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama;

- (v) Menduduki peperiksaan **SPM 2024** buat kali pertama di mana-mana sekolah menengah atau calon-calon persendirian;
- (vi) Umur belum mencapai 19 tahun (atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- (vii) Keutamaan diberikan kepada calon daripada latar belakang keluarga dengan **kategori pendapatan B40 dan M40**.

2.2 Syarat Khusus

- (i) Pelajar hendaklah **mendapat keputusan SPM sekurang-kurangnya 9A+ dalam mana-mana mata pelajaran tanpa mengambil kira mata pelajaran selebihnya (sekiranya ada)**;
 - (ii) Memulakan pengajian peringkat Persediaan sebelum 31 Disember tahun penawaran semasa; dan
 - (iii) Bagi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, hanya terbuka kepada pelajar selain pegawai kadet.
3. **Jika saya mendapat keputusan 9A+ dan 2A-, bolehkah saya memohon program ini?**

BOLEH kerana saudara/i telah **memenuhi syarat minimum yang ditetapkan** iaitu mendapat **sekurang-kurangnya 9A+** yang diambil semasa SPM tahun 2024.

4. **Jika saya mendapat keputusan 7A+ dan 2A, bolehkah saya memohon program ini?**

TIDAK BOLEH kerana saudara/i tidak memenuhi **syarat minimum yang ditetapkan** iaitu mendapat **sekurang-kurangnya 9A+ dalam mana-mana mata pelajaran yang diambil semasa SPM tahun 2024**.

5. Apakah itu *Student Assessment Centre (SAC)*?

Student Assessment Centre (SAC) merupakan kaedah pemilihan pelajar yang bertujuan untuk menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif mengenai kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. Penilaian SAC ini adalah untuk melihat keadaan fizikal, penampilan, kesesuaian, kerjasama, ketahanan, kematangan, daya kreativiti, komunikasi, kepimpinan dan minat calon dalam bidang pengajian dan Perkhidmatan Awam. SAC mengandungi dua elemen utama, antaranya Latihan Dalam Kumpulan (LDK), temu duga atau apa-apa pendekatan yang dicadangkan mengikut kesesuaian.

6. Bilakah Program SAC akan dijalankan?

Program SAC dijadualkan pada **10 hingga 12 Jun 2025** mengikut zon pusat temu duga yang ditetapkan.

7. Bilakah saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ke Program SAC?

Calon boleh membuat semakan panggilan ke Program SAC mulai **2 Jun 2025** secara dalam talian iaitu <https://penajaan.jpa.gov.my>. Pusat SAC yang perlu dihadiri adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam surat panggilan.

8. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa menghadiri Program SAC?

Dokumen yang perlu dibawa semasa menghadiri SAC akan dimaklumkan melalui surat panggilan SAC bagi calon yang melepassi syarat.

- 9. Bagaimanakah JPA akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, panggilan SAC, keputusan dan penawaran Program Khas LSPM Tahun 2025?**

Semua urusan berhubung Program Khas LSPM Tahun 2025 iaitu permohonan, panggilan SAC, keputusan dan surat tawaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dibuat secara dalam talian di laman web JPA.

Surat-surat/slip-slip pengesahan yang berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak sendiri oleh calon. Calon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web JPA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini program.

- 10. Saya mendapat 9A+ dalam peperiksaan SPM 2023. Bolehkah saya memohon?**

TIDAK, Program LSPM Tahun 2025 hanya dibuka kepada pelajar lepasan SPM tahun 2024 sahaja.

- 11. Adakah saya boleh memohon Ijazah Pertama di Universiti Awam melalui saluran alternatif?**

BOLEH. Penajaan peringkat Ijazah Pertama di bawah Program Khas LSPM Tahun dibuka kepada Universiti Awam melalui saluran perdana dan alternatif.

- 12. Apakah jenis Program Persediaan bagi Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2025?**

Pelajar-pelajar akan mengikuti Program Persediaan di dalam negara seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

BIL.	SENARAI PROGRAM PERSEDIAAN
1.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)
2.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
3.	Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
4.	Asasi Universiti Awam (UA) <u>Contoh:</u> Asasi UIAM; Asasi Sains UM; Asasi UNIMAS; Asasi UMS; Asasi UniSZA; Asasi Pengajian Islam UM; Tamhidi USIM; Asasi UKM dan lain-lain.
5.	Program ASASI pintar, Pusat PERMATA pintar Negara
6.	<i>Foundation IPTS*</i>

13. Apakah bidang pengajian yang ditawarkan?

Pelajar diberi ruang untuk memilih bidang pengajian tertakluk kepada kursus/ program yang ditawarkan oleh institusi pendidikan bagi tahun kemasukan pelajar, kecuali bidang-bidang yang tidak ditaja. Program pengajian yang ditaja hendaklah telah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/ atau diiktiraf oleh Badan Profesional (jika berkaitan).

14. Apakah universiti yang yang ditaja oleh JPA bagi Program LSPM 2025?

Senarai Institusi Pengajian Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2025

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3. Universiti Putra Malaysia (UPM)
4. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
5. Universiti Sains Malaysia (USM)
6. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)
7. Universiti Utara Malaysia (UUM)
8. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
9. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
10. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
11. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
12. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
13. Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)
14. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
15. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
16. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
17. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
18. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
19. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
20. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
21. Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
22. Universiti Multimedia (MMU)
23. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
24. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
25. Taylor's University
26. UCSI University
27. INTI International University
28. Sunway University
29. Management and Science University (MSU)
30. Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU)
31. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
32. Monash University Malaysia
33. University of Reading Malaysia
34. Curtin University Malaysia
35. University of Nottingham Malaysia
36. University Xiamen Malaysia
37. Swinburne University of Technology Sarawak Campus
38. Heriot-Watt University Malaysia
39. Newcastle University Medicine Malaysia (NuMED)
40. International Medical University (IMU)

Kemasukan adalah bagi saluran perdana serta laluan bukan bersubsidi/ *private wing*/ saluran terbuka/ saluran alternatif

Tersenarai dalam Kategori Berdaya Saing di bawah Penarafan SETARA 2022 dan QS World University Ranking mengikut kedudukan secara keseluruhan atau mengikut bidang tahun 2024/2025*

15. Bolehkah calon memilih bidang pengajian?

BOLEH. Calon-calon hanya dibenarkan memilih **satu (1) bidang yang ditawarkan sahaja** bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

16. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti Program Persediaan secara persendirian di Pusat Persediaan yang berasingan?

Pemohon tidak dibenarkan untuk mengikuti program persediaan dengan pembiayaan sendiri di pusat persediaan yang berasingan. Sekiranya berbuat demikian, pemohon **tidak akan ditawarkan** penajaan di Peringkat Ijazah Pertama di bawah program ini.

17. Setelah tamat *Foundation*, bolehkah saya menyambung pengajian dalam dalam bidang Perubatan di bawah Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2025 ini?

TIDAK BOLEH. Sekiranya berminat dalam bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi, pelajar boleh memohon di bawah **Program Perubatan, Pergigian dan Farmasi (PPF2) Tahun 2025.**

18. Sekiranya saya tidak memohon Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2025, adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?

Pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA sekiranya berminat dan melepassi syarat-syarat permohonan penajaan.

- 19. Berapakah Elaun Sara Hidup yang akan saya terima semasa di peringkat persediaan?**

Elaun Sara Hidup yang akan diterima adalah sebanyak **RM530.00 sebulan** (jika kemudahan penginapan sahaja disediakan).

Elaun Saku sebanyak **RM200.00 sebulan** (jika kemudahan penginapan dan makanan sahaja disediakan).

- 20. Adakah Program SAC dilaksanakan di luar negara bagi calon-calon yang mengikuti program pertukaran pelajar?**

TIDAK. Program SAC hanya dilaksanakan di **dalam negara sahaja**.

- 21. Sekiranya saya tidak dipanggil ke Program SAC, adakah saya boleh membuat rayuan?**

TIDAK. Hanya calon yang **melepassi syarat sahaja** akan dipanggil ke Program SAC.

- 22. Setelah saya mendapat tawaran penajaan JPA, bolehkah saya memohon pinjaman tambahan daripada penaja lain seperti PTPTN?**

TIDAK. Pelajar **hanya dibenarkan** untuk menerima **satu tajaan sahaja**.

- 23. Bolehkah saya memohon menggunakan keputusan semakan semula SPM?**

Pelajar boleh memohon program penajaan **sepanjang tempoh permohonan dibuka sahaja**. Permohonan selepas tarikh tutup adalah tidak diproses.

24. Tarikh Tutup Permohonan

Tarikh tutup permohonan ialah pada 11 Mei 2025 (Ahad), 5.00 petang.
Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan diproses.

25. Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan penajaan dijangka akan diumumkan melalui portal penajaan JPA iaitu <https://penajaan.jpa.gov.my> pada **Minggu Kedua Julai 2025**. Pelajar yang tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh tutup permohonan adalah dianggap **tidak berjaya**.

*Dikemas kini pada 25 April 2025